

KEBERKESANAN PASUKAN RELA DALAM MENANGANI PELAKUAN JENAYAH DI DAERAH KABONG, SARAWAK

THE EFFECTIVENESS OF THE RELA FORCE TO CURB CRIMINAL BEHAVIOR IN KABONG DISTRICT, SARAWAK

Nor-Ina Kanyo¹
Nur Izwan Bin Mohd Affendi ²
Jashmaira binti Kipli³
Ahmad Tarmizi Abdul Rahman⁴

¹Institut Kajian Orang Asal Borneo (BorIIS),Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: norina@ums.edu.my)

²Pelajar Geografi Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia

³Pelajar Sarjana Geografi, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,

⁴Fakulti Pengajian Islam Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(E-mail: atarmizi@ums.edu.my)

Article history

Received date : 15-2-2022
Revised date : 16-2-2022
Accepted date : 7-10-2023
Published date : 15-10-2023

To cite this document:

Kanyo, N. I., Mohd Afendi, N. I., Kipli, J., & Abdul Rahman, A. T. (2023). Keberkesanan pasukan rela dalam menangani pelakuan jenayah di Daerah Kabong, Sarawak. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 8 (56), 681 – 694.

Abstrak: Sesebuah negara tidak terlepas daripada berlakunya masalah sosial. Antaranya ialah masalah jenayah. Perlakuan jenayah adalah fenomena permasalahan sosial yang melanda seluruh dunia. Perlakuan jenayah ini dilihat semakin meningkat dan ia menimbulkan kebimbangan kepada semua lapisan masyarakat. Pelbagai usaha telah dilakukan untuk membendung masalah ini. Antaranya ialah dengan mewujudkan pasukan yang membantu pihak polis khususnya dalam membendung masalah jenayah ini. Justeru, artikel ini berusaha mengupas dan mengetengahkan keberkesanan pasukan RELA dalam menangani perlakuan jenayah. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kuantitatif. Sebanyak 50 borang soal selidik telah diedarkan secara rawak di kawasan kajian iaitu di Daerah Kabong. Hasil kajian mendapati pasukan RELA berperanan dalam menangani perlakuan jenayah di kawasan kajian dan kewujudannya mempunyai hubungan dengan kadar jenayah yang berlaku di kawasan tersebut.

Kata Kunci: Perlakuan Jenayah, Keberkesanan, Pasukan RELA

Abstract: A country does not escape the occurrence of social problems. Among them is the problem of crime. crime behavior is a phenomenon of social problems that plagues the whole world. This criminal behavior is seen to be increasing and it is causing concern to all walks of life. Various efforts have been made to curb this problem. Among them is, by creating a team that helps the police especially in curbing this criminal problem. Thus, this study seeks to examine and highlight the needs and effectiveness of the RELA Force in dealing with criminal behavior. This study has used a quantitative approach. A total of 50 questionnaires were

distributed randomly in the study area, namely in Kabong District. The results of the study found that the RELA Force plays a role in dealing with crime behavior in the study area and its existence has a relationship with the crime rate that occurs in the area.

Keywords: *Effectiveness, Crime Behavior, RELA Force*

Pendahuluan

Sesebuah negara tidak terlepas daripada berlakunya masalah sosial. Antaranya ialah masalah jenayah. Masalah jenayah ini semakin meningkat saban hari. Daerah Kabong terletak dalam Daerah Saratok, Bahagian Betong Sarawak yang meliputi kawasan seluas 398.14 kilometer persegi. Pekan Kabong merupakan pekan utama bagi penduduk di daerah ini dan merupakan lokasi yang strategik serta mempunyai prospek yang cerah untuk menjadi sebuah pusat perdagangan yang memainkan peranan sebagai pusat agihan kepada penduduk di kawasan sekitar Daerah Kabong. Potensi yang dimiliki oleh daerah ini menyebabkan timbulnya pelbagai masalah. Antara masalah yang wujud ialah masalah jenayah. Hal ini disebabkan tiada ciri-ciri yang selesa untuk memberi perlindungan kepada kesejahteraan hidup penduduk di kawasan tersebut (Zainuddin bin Hj. Muhammad, 2000). Kegiatan jenayah pada masa kini adalah semakin ekstrim kerana penjenayah semakin berani dalam menjalankan aktiviti mereka. Oleh itu, perkara ini perlu dipandang serius oleh kerajaan.

Umumnya jenayah merupakan suatu kesalahan yang dilakukan oleh seseorang dengan niat hendak melakukan kesalahan itu. Perkara ini menyebabkan orang yang bertanggungjawab melakukan kesalahan ini akan dihukum dengan hukuman yang setimpal akibat melakukan perkara yang salah di sisi undang undang dan dia akan dikenali sebagai penjenayah(Tun Salleh Abas, 1998). Hampir setiap hari kita mendengar di corong-corong radio dan kaca televisyen mengenai isu jenayah ini. Cantohnya laporan mengenai kejadian jenayah seperti rompakan, penculikan dan pembunuhan. Oleh itu, artikel ini cuba untuk mengenalpasti sama ada pasukan RELA ini wujud di Daerah Kabong. Selain itu, untuk mengetahui keberkesanan pasukan RELA dalam menangani pelakuan jenayah di kawasan Daerah Kabong. Akhir sekali, untuk mengenalpasti hubungkait di antara pasukan RELA dengankadar jenayah di Daerah Kabong.

Tinjauan Literatur

Latar Belakang Pasukan RELA

Sejarah asal Jabatan Sukarelawan Malaysia ialah berkait rapat dengan Home Guard atau Pengawal Kampung yang ditubuhkan bertujuan untuk menjaga keselamatan setempat apabila darurat diisytiharkan pada tahun 1948. Anggota yang menyertai pasukan RELA ini terdiri daripada sukarelawan masyarakat setempat. Pada 31 Julai 1960, darurat diisytiharkan tamat dan pasukan pengawal kampung telah dibubarkan. Selepas itu, tenaga sukarelawan ditubuhkan sekali lagi kerana negara berhadapan ancaman akibat konfrontasi dengan Indonesia pada tahun 1963 sehingga 1965. Pasukan ini berperanan sebagai mata dan telinga bagi membantu agensi keselamatan dalam menangani pendaratan dan penyusupan pihak Indonesia. Akhirnya pasukan ini dibubarkan setelah konfrontasi tamat pada tahun 1965.

Peristiwa 16 Mei pada tahun 1969 telah membuka mata pemimpin ketika itu tentang pentingnya pasukan sukarela yang tetap bagi membantu kerajaan dalam menangani masalah dan ancaman keselamatan. Oleh itu, Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu Allahyarham Tun Dr. Ismail Abdul Rahman mencadangkan supaya pasukan sukarela berperanan sebagai mata dan telinga

kerajaan. Setersunya, pada tahun 1972, kerajaan telah membuat keputusan untuk menubuhkan RELA di bawah Seksyen 2 Akta (Kuasa-kuasa Perlu) Darurat 1964. RELA diletakan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KHEDN) apabila Kementerian Dalam Negeri terbahagi kepada dua kementerian, iaitu Kementerian Keselamatan Dalam Negeri (KKDN) dan KHEDN pada tahun 2004 (Kementerian Dalam Negeri, 2020).

Senario Pelakuan Jenayah di Malaysia

Menurut Kamus Dewan Edisi ke-4, jenayah merupakan perlakuan jahat seperti merompak, membunuh dan mencuri yang salah di sisi undang-undang. Selain itu, jenayah merupakan satu masalah moral yang dipandang berat oleh Islam. Hal ini disebabkan ia mempunyai hubungan rapat dengan ketenangan dan kerukunan hidup bermasyarakat seluruhnya (Harun Din et. al, 2003).

Umum diketahui bahawa jenayah yang banyak terjadi negara kita, Malaysia dibahagikan kepada dua jenis. Pertama ialah, jenayah kekerasan dan kedua merupakan jenayah harta benda. Jenayah kekerasan bermaksud perbuatan yang mendatangkan kecederaan dan ancaman ke atas seseorang. Contoh perlakuannya seperti rogol dan mencederakan orang, membunuh, samun berkawan, samun berkawan bersenjata, samun berkawan tidak bersenjata, samun bersenjata dan samun tanpa senjata. Jenayah harta benda pula jenayah yang hanya melibatkan ancaman ke atas harta benda sahaja seperti ragut, seluk saku, pecah rumah pada siang hari, pecah rumah pada malam hari, mencuri kenderaan dan lain-lain jenis kecurian yang berbentuk harta.

Statistik, trend jenayah di Malaysia menunjukkan jenayah di negara kita lebih tertumpu kepada jenayah harta benda. Hal ini kerana, jumlah kes yang dilaporkan lebih tinggi berbanding dengan kes jenayah kekerasan. Biar kita ambil contoh, statistik menunjukkan pada tahun 2012 sebanyak 29950 kes yang melibatkan 602 kes bunuh, 2964 kes rogol, 127 kes samun bersentaja api, 20013 kes samun tanpa senjata api dan 6244 kes mencederakan manusia. Bagi kes jenayah harta benda pula, jumlah kes yang dilaporkan ialah 123719 kes yang sebahagian besarnya melibatkan kes kecurian kenderaan manakala kes lain 24939 kes pecah rumah dan curi, 2500 kes ragut dan 24299 kes lain-lain. Namun begitu statistik tersebut merupakan kes yang hanya dilaporkan kepada pihak polis sahaja dan tidak mengambil kira perangkaan gelap kes jenayah yang berada di Malaysia (Mohd Zainal, 2014).

Contohnya, baru-baru ini negara kita dihebohkan dengan kes ragut yang tular di mediasosial. Satu rakaman video kamera litar tertutup (CCTV) menjadi tular di media sosial yang menunjukkan detik tragik seorang wanita diseret peragut yang menaiki motosikal di belakang sebuah bangunan yang terletak di Segamat. Mangsa tersebut berusia lingkungan 30-an diseret di atas jalan raya oleh dua peragut itu sejauh hampir satu meter. Mangsa kemudiannya membuat laporan polis dan menurut ketua polis daerah Segamat, ia merupakan kes pertama yang berlaku di lokasi terbabit dan menasihatkan orang awam supaya lebih berhati-hati (Sinar Harian, 2020).

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, reka bentuk kajian yang digunakan ialah berkisar tentang pasukan RELA dalam mengawal perlakuan jenayah di kawasan kajian iaitu Daerah Kabong. Pelbagai persoalan yang menjadi tanda tanya dapat diketahui oleh pengkaji akan dapat diutarakan dalam jumlah yang banyak. Bagi tujuan kajian ini, kaedah soal selidik akan digunakan bagi mendapatkan seberapa banyak maklumat yang berguna bagi merumuskan mengenai kajian yang dijalankan. Selain itu, kaedah soal selidik ini adalah sesuai bagi mendapatkan pandangan mengenai keselamatan di daerah Kabong. Borang soal selidik yang dibina dibahagikan kepada empat

bahagian. Bahagian A adalah berkenaan dengan latar belakang responden. Bahagian B pula merangkumi pelbagai soalan yang berkaitan dengan keperluan dan kewajaran terdapatnya pasukan RELA di Kawasan yang dikaji serta responden perlu memberi persepsi sama ada pasukan RELA ini wajar diteruskan atau sebaliknya. Bahagian C pula, mengandungi soalan berkaitan dengan keberkesanan pasukan RELA ini dalam menangani perlakuan jenayah di kawasan tersebut. Akhir sekali ialah bahagian D. Bahagian ini mempunyai soalan yang berkaitan dengan persepsi responden berkaitan dengan hubungkait pasukan RELA mempengaruhi kadar jenayah di Kawasan kajian. Soalan yang dibina di bahagian B, C dan D adalah menggunakan Skala Likert 5 point dan telah diedarkan secara rawak kepada 50 orang responden di kawasan kajian.

Kaedah pemerhatian juga digunakan dalam kajian ini. Pengkaji memerhatikan kawasan persekitaran di kawasan kajian. Dengan menggunakan kaedah pemerhatian ini, pengkaji dapat mengenalpasti tahap keselamatan di kawasan yang dikaji. Kaedah pemerhatian merupakan salah satu teknik yang sangat penting dalam setiap kajian. Kaedah pemerhatian ini juga dianggap sebagai satu kaedah analisis awal mengenai kajian. Penyelidikan memerhatikan Kawasan yang dikaji seterusnya memahami permasalahan dan apa yang ingin dikaji dengan lebih jelas.

Hasil Kajian

Keperluan dan keberkesanan pasukan RELA dalam menangani perlakuan jenayah di Daerah Kabong dibincangkan secara lebih mendalam berdasarkan pengetahuan masyarakat lokal yang tinggal di Kawasan kajian. Beberapa indikator telah dikaji dan dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS). Bahagian seterusnya adalah penjelasan tentang demografi responden kajian yang terlibat.

Demografi Responden

Terdapat enam aspek demografi responden dinyatakan dalam kertas kerja ini iaitu, jantina, umur, bangsa, pendidikan, status dan sektor pekerjaan.

Jadual 1: Jantina Responden.

Jantina Responden		Frekuensi(org)	Peratus(%)
Jantina	Lelaki	35	70
	Perempuan	15	30
Jumlah		50	100

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Jadual 1 menunjukkan latar belakang jantina bagi responden di kawasan kajian iaitu di Daerah Kabong. Bilangan responden bagi lelaki adalah sebanyak 35 orang bersamaan dengan 70% daripada keseluruhan responden. Bilangan responden bagi perempuan pula adalah sebanyak 15 orang ataupun 30%. Hal ini menggambarkan kebanyakan responden yang dipilih adalah daripada kalangan lelaki.

Jadual 2: Umur Responden.

Umur Responden		Frekuensi(org)	Peratus(%)
Umur	>20 tahun	3	6
	21-30 tahun	12	24
	31-40 tahun	8	16
	41-50 tahun	11	22
	>51 tahun	16	32
Jumlah		50	100

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Jadual 2 menunjukkan umur responden di kawasan kajian di Daerah Kabong. Berdasarkan jadual dan carta pai tersebut, majoriti umur responden yang diperolehi adalah 51 tahun ke atas iaitu sebanyak 16 orang bersamaan 32% dan diikuti dengan responden yang berumur antara 21-30 tahun iaitu sebanyak 12 orang ataupun 24%. Seterusnya diikuti oleh responden yang berumur 41-50 tahun iaitu sebanyak 11 orang atau 22% dan responden yang berumur antara 31-40 tahun adalah sebanyak 8 orang atau 16%. Manakala umur responden yang paling sedikit adalah di bawah 20 tahun iaitu sebanyak 3 orang atau 6%. Responden yang berumur. Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa majoriti umur responden yang diperolehi adalah dalam kalangan warga emas dan dewasa.

Jadual 3: Tahap Pendidikan Responden.

Tahap Pendidikan		Frekuensi(org)	Peratus(%)
Pendidikan	UPSR	7	14
	PMR	4	8
	SPM	20	40
	STPM/DIPLOMA	9	18
	IJAZAH	10	20
Jumlah		50	100

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Jadual 3 menunjukkan tahap pendidikan responden di kawasan kajian di Daerah Kabong. Berdasarkan jadual tersebut, majoriti tahap Pendidikan yang diperolehi adalah peringkat SPM iaitu sebanyak 20 orang bersamaan 40% dan diikuti oleh peringkat Ijazah iaitu sebanyak 10 orang atau 20%. Seterusnya ialah peringkat STPM/Diploma iaitu sebanyak 9 orang atau 18%. Peringkat UPSR pula adalah sebanyak 7 orang atau 14%. Peringkat PMR merupakan yang paling sedikit iaitu hanya sebanyak 4 orang responden yang mewakili 8%. Oleh itu, jadual tersebut membuktikan bahawa kebanyakan responden di kawasan kajian adalah terdiri daripada mereka yang berpelajaran kerana bilangan peringkat SPM dan Ijazah mencatatkan peratusan yang agak tinggi.

Jadual 4: Bangsa Responden.

Status Bangsa		Frekuensi(org)	Peratus(%)
Bangsa	Melayu	42	84
	Iban	5	10
	Cina	3	6
Jumlah		50	100

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Jadual 4 menunjukkan bangsa responden di kawasan kajian. Berdasarkan jadual tersebut, sebanyak 42 orang atau 84% merupakan bangsa Melayu. Manakala 5 bersamaan 10% merupakan bangsa Iban. Cina merupakan bangsa yang paling sedikit iaitu sebanyak 3 orang ataupun 6%. Perkara ini menunjukkan bahawa bangsa Melayu merupakan bangsa yang majoriti terdapat di kawasan kajian iaitu di Daerah Kabong dan diikuti oleh bangsa Iban dan Cina.

Jadual 5: Status Perkahwinan Responden.

Status Perkahwinan		Frekuensi(org)	Peratus(%)
Status	Bujang	14	28
	Berkahwin	30	60
	Duda/Janda	6	12
Jumlah		50	100

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Jadual 5 menunjukkan status responden di kawasan kajian yang diperolehi melalui soal selidik yang dilakukan. Berdasarkan jadual 5 tersebut, majoriti status responden adalah berkahwin iaitu sebanyak 30 orang bersamaan 60%. Seterusnya, ialah bujang sebanyak 14 orang atau 28% dan 6 orang adalah duda/janda yang mewakili 12%. Keadaan ini membuktikan bahawa kebanyakan responden adalah terdiri daripada mereka yang sudah berkeluarga.

Jadual 6: Sektor Pekerjaan.

Pekerjaan Responden		Frekuensi(org)	Peratus(%)
Sektor Pekerjaan	Awam	24	48
	Tidak Bekerja	11	22
	Swasta	8	16
	Suri Rumah	7	14
Jumlah		50	100

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Jadual 6 menunjukkan sektor pekerjaan bagi responden di Kawasan kajian di Daerah Kabong. Sebanyak 24 orang bersamaan dengan 48% merupakan responden yang bekerja dalam sektor awam. Antaranya adalah terdiri daripada pegawai kerajaan dan guru. Seterusnya sebanyak 11 orang atau 22% merupakan responden yang tidak bekerja yang umumnya terdiri daripada mereka yang baru tamat persekolahan. Sebanyak 8 orang atau 16% merupakan responden yang bekerja dalam sektor swasta yang kebanyakannya terdiri daripada peruncit. Akhir sekali, sebanyak 7 orang atau 14% responden yang diperolehi merupakan suri rumah. Berdasarkan dapatan tersebut jelaslah bahawa kebanyakan responden di kawasan kajian majoritinya mempunyai pekerjaan yang baik.

Persepsi Kewujudan Pasukan RELA di Daerah Kabong.

Bahagian ini akan membincangkan mengenai dapatan kajian bagi menjawab soalan kajian pertama iaitu “Mengenalpasti sama ada pasukan RELA ini wujud di Daerah Kabong”. Hasil dapatan kajian bagi menjawab persoalan kajian yang pertama dirumuskan melalui Jadual 7.

Jadual 7: Kewujudan Pasukan RELA di Daerah Kabong

Bil	Soalan	Kekerapan(Org)		Mean
		Ya	Tidak	
1.	Adakah pasukan RELA wujud di Daerah Kabong.	50	0	1.00
2.	Pasukan RELA ini wajar diwujudkan di Daerah Kabong.	50	0	1.00
3.	Pasukan RELA ini perlu diwujudkan di setiap daerah dan kampung.	31	14	1.28
4.	Pasukan RELA ini perlu diteruskan di Daerah Kabong.	50	0	1.00
5.	Pasukan RELA ini memberikan kesan yang positif di Daerah Kabong.	47	3	1.06
6.	Pasukan RELA ini melakukan rondaan setiap malam di kawasan anda.	43	7	1.14
7.	Pasukan RELA memberikan kebaikan kepada penduduk.	47	3	1.06
8.	Pasukan RELA memberikan persekitaran yang selamat kepada penduduk.	47	3	1.06
9.	Adakah anda menyokong pasukan RELA ini sentiasa diwujudkan di Daerah Kabong.	50	0	1.00
10.	Pasukan RELA perlu diteruskan di Daerah Kabong.	50	0	1.00

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Berdasarkan soalan 1 dan 2 dalam bahagian B iaitu “Adakah pasukan RELA wujud di Daerah Kabong” dan “Pasukan RELA ini wajar diwujudkan di Daerah Kabong” nilai purata (mean) ialah, 1.00 yang menunjukkan kesemua responden iaitu seramai 50 orang ataupun 100% menjawab “YA” yang bermaksud bahawa pasukan RELA ini wujud di Daerah Kabong ini. Hal ini membuktikan bahawa mereka mengambil tahu bahawa terdapatnya perkhidmatan pasukan RELA disediakan di kawasan mereka. Namun begitu, dapatan bagi persoalan ketiga dalam bahagian B di borang soal selidik untuk menjawab objektif pertama kajian menunjukkan nilai purata (mean) bagi soalan ini adalah, 1.28 yang menunjukkan responden bersetuju terhadap soalan ini. Sebanyak 14 orang menjawab “TIDAK” manakala 36 menjawab “YA”.

Mereka yang menjawab “TIDAK” ini berpendapat bahawa kebanyakan penduduk di sesetengah kampung tidak berminat untuk bekerja sebagai Pasukan RELA. Oleh itu, untuk mewujudkan pasukan RELA ini di setiap daerah dan kampung adalah sedikit sukar. Buktinya, majoriti responden yang berumur antara 21-30 tahun antara yang menjawab “TIDAK” untuk soalan ini iaitu sebanyak 6 orang. Rata rata mereka ini adalah merupakan lepasan pelajar pendidikan tinggi dan mereka menganggap bahawa kerjaya sebagai pasukan RELA ini tidak sesuai dengan tahap pendidikan yang mereka miliki. Buktinya dalam kajian yang dilakukan oleh Muhd. Mansur dan Siti Nordinar (1993), menyatakan pencapaian akademik seseorang merupakan kunci atau faktor utama bagi menentukan rancangan kerjaya seseorang individu tersebut. Tambahan lagi, keupayaan dan kemampuan asas dalam akademik individu juga dianggap sebagai penentu utama dalam menjayakan sesuatu pekerjaan. Pengkaji telah merumuskan perbandingan umur responden terhadap persoalan ketiga dalam bahagian B di borang soal selidik dalam Jadual 8.

Jadual 8: Persepsi kewujudan Pasukan RELA di Setiap daerah dan Kampung.

		UMR					Jumlah
		<20 Tahun	21-30 Tahun	31-40 Tahun	41-50 Tahun	>51 Tahun	
Pasukan RELA ini perlu diwujudkan di setiap daerah dan kampung	YA	1	6	6	10	13	36
	TIDAK	2	6	2	1	3	14
JUMLAH		3	12	8	11	16	50

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Keberkesanan Pasukan RELA Dalam Menangani Pelakuan Jenayah Di Daerah Kabong.

Bahagian ini akan membincangkan mengenai dapatan kajian untuk menjawab objektif kajian kedua iaitu “Mengetahui keberkesanan pasukan RELA dalam menangani pelakuan jenayah di kawasan Daerah Kabong”. Hasil kajian bagi menjawab objektif kajian yang kedua dirumuskan melalui Jadual 9.

Jadual 9 tersebut menunjukkan dapatan kajian mengenai keberkesanan pasukan RELA dalam menangani perlakuan jenayah di kawasan kajian iaitu Daerah Kabong. Pengkaji telah menyediakan lapan bentuk soalan kepada responden di bahagian C dalam borang soal selidik bagi mengetahui keberkesanan pasukan RELA ini dalam menangani perlakuan jenayah di kawasan kajian. Dapatan kajian mendapati soalan 1 iaitu “Pasukan RELA ini berkesan menangani perlakuan jenayah di kawasan anda” nilai purata (mean) adalah 4.38. Sebanyak 24 orang telah menjawab “Setuju” dan diikuti 23 orang menjawab “Sangat Setuju”. Seterusnya, 2 orang pula menjawab “Kurang Setuju” dan seorang responden menjawab “Tidak Setuju”. Bagi soalan 2 iaitu “Pasukan RELA dapat mengurangkan jenayah di kawasan anda”. Majoriti responden menjawab “Setuju” iaitu sebanyak 26 orang. Seterusnya, seramai 17 orang menjawab “Sangat Setuju” dan diikuti 6 orang menjawab “Kurang Setuju” dan seorang menjawab “Tidak Setuju”. Nilai purata (mean) bagi soalan ini adalah 4.18.


Seterusnya, pengkaji akan melakukan perbandingan dapatan kajian yang diperolehi dengan sektor pekerjaan responden. Perkara ini penting untuk membandingkan tahap keberkesanan pasukan RELA ini dalam menangani pelakuan jenayah berdasarkan sektor pekerjaan. Perbincangan adalah berkaitan persoalan kelima dalam borang soal selidik di bahagian C tersebut.

Jadual 9: Keberkesanan Pasukan RELA Dalam Menangani Perlakuan Jenayah Di Kawasan Daerah Kabong.

Bil	Soalan	Frekuensi (Orang)					Jumlah (Org)	Mean
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
1.	Pasukan RELA berkesan menangani perlakuan jenayah di kawasan anda.	0	1	2	24	23	50	4.38
2.	Pasukan RELA dapat mengurangkan jenayah di kawasan anda.	0	1	6	26	17	50	4.18
3.	Pasukan RELA mampu membantu pihak berkuasa mengurangkan kadar jenayah di kawasan anda.	0	0	1	22	27	50	4.52
4.	Pasukan RELA kerap membuat rondaan dan kadar jenayah di kawasan anda berkurangan.	0	0	3	31	16	50	4.26
5.	Pasukan RELA menyebabkan tahap keselamatan di kawasan anda semakin baik dan meningkat.	0	0	0	32	18	50	4.36
6.	Pasukan RELA memberikan suasana yang selamat di kawasan anda.	0	0	0	22	28	50	4.56
7.	Pasukan RELA merupakan pasukan yang memberikan keselamatan diri yang baik kepada individu.	0	0	4	35	11	50	4.14
8.	Pasukan RELA memberikan kesan positif terhadap anda dan penduduk di kawasan anda.	0	0	0	21	29	50	4.58

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Berdasarkan Jadual 9 di atas, dapatan kajian jelas menunjukkan bahawa Pasukan RELA di Daerah Kabong adalah penting dan berupaya mengurangkan kadar jenayah di daerah tersebut dengan petunjuk Nilai Mean yang tinggi pada setiap soalan yang dikemukakan dalam kajian ini.



Carta 1: Pasukan RELA merupakan pasukan yang kerap membuat rondaan menyebabkan kadar jenayah di kawasan anda berkurang.

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Carta 1 menunjukkan bahawa persoalan kelima dalam bahagian C iaitu “Pasukan RELA merupakan pasukan yang kerap membuat rondaan menyebabkan kadar jenayah di kawasan anda berkurang”. Nilai purata (mean) bagi soalan ini adalah, 4.36 yang menunjukkan responden bersetuju bahawa pasukan RELA merupakan pasukan yang kerap membuat rondaan menyebabkan kadar jenayah di kawasan mereka berkurang. Sebanyak 31 orang memilih “Setuju”. 18 daripada 31 orang tersebut adalah daripada sektor awam. Namun begitu, sektor awam dan tidak bekerja juga mencatatkan seorang bagi pilihan “Kurang Bersetuju” terhadap persoalan ini. Antara faktor yang mendorong mereka kurang bersetuju terhadap persoalan ini ialah kawasan perumahan mereka terlepas daripada kawasan rondaan yang dilakukan oleh pasukan RELA. Akan tetapi, majoriti responden adalah bersetuju dan percaya bahawa pasukan RELA ini berkesan dalam menangani pelaksanaan jenayah di kawasan kajian apabila rondaan dilakukan secara berterusan pada waktu malam.

Buktinya, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sekong Datuk Samusudin Yahya berkata anggota SRS kini boleh dilihat berfungsi sebagai sebagai mata dan telinga pasukan keselamatan dalam mengurangkan beban polis menangani masalah jenayah. Penubuhan SRS melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) merupakan satu daripada langkah terbaik yang mampu mengurangkan kadar jenayah di sesuatu kawasan kediaman penduduk. Secara umumnya menurut beliau lagi, SRS bertugas secara sukarela dalam membantu polis menangani jenayah di sesuatu kawasan menerusi rondaan yang dilakukan dengan lebih kerap serta mengelak kebergantungan sepenuhnya kepada polis. Selain itu juga, SRS secara tidak langsung

dapat mengeratkan perpaduan serta toleransi dan memupuk semangat cintakan negara dalam kalangan penduduk setempat (Utusan Borneo, 2018).

Oleh itu, jelaslah bahawa dapatan kajian terhadap persoalan kelima dalam bahagian C di borang soal selidik ini menunjukkan bahawa kadar jenayah dapat dikurangkan apabila pasukan RELA ini melakukan rondaan dengan kerap.

Hubungkait Di Antara Pasukan RELA Dengan Kadar Jenayah Di Daerah Kabong.

Bahagian ini akan membincangkan mengenai dapatan kajian bagi menjawab objektif kajian ketiga iaitu “Mengenalpasti hubungkait di antara pasukan RELA dengan kadar jenayah di Daerah Kabong”. Hasil kajian bagi menjawab objektif kajian yang ketiga dirumuskan melalui jadual 10.

Jadual 10: Hubungkait di antara Pasukan RELA dengan kadar jenayah di Daerah Kabong.

Bil	Soalan	Frekuensi (Orang)					Jumlah (Org)	Mean
		Sangat Tidak Setuju	Tidak Setuju	Kurang Setuju	Setuju	Sangat Setuju		
1.	Pasukan RELA menyebabkan kadar jenayah di kawasan anda menurun.	0	0	4	21	25	50	4.42
2.	Pasukan RELA tidak wujud, kadar jenayah di kawasan anda semakin meningkat.	0	0	3	27	20	50	4.34
3.	Kadar jenayah di kawasan anda meningkat disebabkan ketiadaan Pasukan RELA.	0	0	7	23	20	50	4.26
4.	Pasukan RELA dapat mengatasi masalah jenayah di kawasan anda.	0	0	3	29	18	50	4.30
5.	Kewujudan pasukan RELA menyebabkan masalah jenayah Semakin berkurang di kawasan anda.	0	0	0	16	34	50	4.68

6.	Peningkatan anggota RELA mempengaruhi kadar jenayah.	0	0	0	25	25	50	4.50
7.	Pasukan RELA mampu membantu pihak polis mengurangkan kadar jenayah di kawasan anda.	0	0	0	12	38	50	4.76

Sumber: Kerja Lapangan, 2020

Jadual 10 menunjukkan dapatan kajian berkenaan dengan objektif ketiga dalam kajian iaitu mengenalpasti hubungkait di antara pasukan RELA dengan kadar jenayah di Daerah Kabong. Sebanyak 25 orang menjawab “Sangat Setuju” terhadap soalan 1 iaitu “Pasukan RELA menyebabkan kadar jenayah di kawasan anda menurun”. Hanya terdapat empat responden yang menjawab “Kurang Setuju” terhadap soalan tersebut dan selebihnya iaitu 21 orang pula menjawab “Setuju”. Nilai purata (mean) bagi soalan ini ialah 4.42. Soalan 2 iaitu “Pasukan RELA tidak wujud, menyebabkan kadar jenayah di kawasan anda semakin meningkat” sebanyak 27 orang menjawab “Setuju” diikuti 20 orang menjawab “Sangat Setuju”. Selebihnya iaitu 3 orang memilih “Kurang Setuju” terhadap soalan tersebut dan soalan ini mencatatkan nilai purata (mean) iaitu 4.34.

Bagi soalan 5 pula, “Kewujudan pasukan RELA secara berterusan menyebabkan masalah jenayah di kawasan anda semakin berkurang” sebanyak 34 orang memilih “Sangat Setuju” dan 16 orang pula memilih “Setuju” manakala nilai purata (mean) adalah 4.68. Bagi soalan 6, iaitu “Peningkatan anggota RELA mempengaruhi kadar jenayah” dapatan kajian menunjukkan angka yang seimbang iaitu masing-masing mencatatkan 25 orang memilih “Setuju” dan “Sangat Setuju” dan nilai purata (mean) terhadap soalan ini adalah 4.50. Akhir sekali, soalan 7 “Pasukan RELA mampu membantu pihak polis mengurangkan kadar jenayah di kawasan anda” sebanyak 38 orang menjawab “Sangat Setuju” dan selebihnya 12 orang pula menjawab “Setuju”. Nilai purata (mean) bagi soalan ini adalah, 4.76.

Ringkasnya, berdasarkan dapatan kajian tersebut jelas menunjukkan bahawa majoriti responden bersetuju bahawa Pasukan RELA ini mempunyai hubungan dengan kadar jenayah di kawasan kajian iaitu Daerah Kabong. Buktinya, tiada pilihan jawapan “Sangat Tidak Setuju” dan “Tidak Setuju” diperolehi daripada soal selidik yang dilakukan terhadap 50 orang responden secara rawak.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan kajian ini telah menjawab semua persoalan kajian yang dikemukakan dan menjelaskan bahawa pasukan RELA ini wujud di kawasan kajian iaitu Daerah Kabong. Dari aspek keberkesanan pula, terbukti bahawa pasukan RELA ini merupakan pasukan yang berkesan dalam mengurangkan masalah jenayah di kawasan kajian. Antara langkah yang paling memberi impak adalah melalui rondaan yang dilakukan oleh pasukan tersebut. Rondaan yang dilakukan oleh pasukan ini menyebabkan kegiatan jenayah seperti pecah rumah sukar untuk melakukan kerja mereka. Seperti yang diperolehi melalui kajian yang dilakukan rata-rata responden mengatakan bahawa jenayah pecah rumah merupakan jenayah

yang sering terjadi di kawasan mereka. Oleh itu, dengan tanggungjawab yang di amanahkan kepada pasukan RELA untuk membantu pihak polis dalam membanteras masalah jenayah maka, mereka menjalankan tanggungjawab tersebut dengan baik sekali. Buktinya dapatan kajian menunjukkan bahawa kadar jenayah yang berlaku di Daerah Kabong mempunyai hubungkait dengan pasukan RELA.

Rujukan

- Ahmad Mahdzan Ayob. Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007.
- Bandura dan Walton. 1963. Criminal Behaviour. Landon and New York: Approach Publications.
- Bartol, C.R & Bortal, A.M. 1986. Criminal Behaviour: A Psychosocial Approach. Prentice- Hall: Englewood Cliffs, N.J.
- Brantingham, P.L., and P.J. Brantingham. 1981. Environmental Criminology. Beverly Hills: Sage Publications, Inc
- Chua, Yan Piaw. 2006. Kaedah penyelidikan. McGraw-Hill: Kuala Lumpur.
- Conklin, J.E. 1981. Concepts of Crime. Criminology. Mackillan: New York.
- H. Hadari & Nawawi. 1993. Metode Penelitian Sosial. Yogyakarta: Gajah Mada University Press.
- Harun Din et.al. 2003. Manusia dan Islam. Hizbi Sdn Bhd: Selangor
- James W. & Vander Zanden. 1979. Sociology: A Systematic Approach. 4th Edition. New York: John Wiley & Sons Inc.
- Kalaiselvi A/P Karunamurthi & Lai Wei Sieng. 2018. Pilihan Sektor Pekerjaan Dan Faktor Mempengaruhi Pilihan Pekerjaan Dalam Kalangan Pelajar Universiti. Jurnal Personalita Pelajar, 21(2), 5-11.
- Kementerian Dalam Negeri. 2020. Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Diakses daripada, <http://www.moha.gov.my/index.php/ms/syarat-permohonan/101> maklumat perkhidmatan/pasukan-sukarelawan-malaysia-rela/296-pasukan sukarelawan malaysia-rela. Diakses pada, 4 Mac 2020.
- Mohamad Shaharudin Samsurijan, Mohd Yusof Hussain, Azima Abd. Manaf, Rosniza Aznie C.R., Novel, L., & Mohd Fuad M.J. (2017). Isu keselamatan dalam kesejahteraan komuniti 'kampung dalam bandar' di Bandaraya Alor Setar, Kedah Darul Aman. Geografia Malaysian Journal of Society and Space, 8(8), 112-120.
- Mohd Mazam Musa. 1971. Pendekatan pencegahan jenayah menerusi keperihatinan reka bentuk persekitaran. Kuala Lumpur.
- Mohd Redzuan Hj Ibrahim. 1995. Polis Dalam Sistem Keadilan Jenayah Di Malaysia. Dewan Bahasa dan Pustaka: Kuala Lumpur.
- Muzdalifah Mustapha. (2015). "Peranan Rela Kekal Relavan". Utusan Online. Diakses daripada <http://www.utusan.com.my/berita/wilayah/peranan-rela-kekal-relevan>. Diakses pada 7 Disember 2019.
- Nor Azura Md Amin. 2020. Kejam! Wanita diseret peragut bermotosikal. Sinar Harian. Diakses daripada, [https://www.sinarharian.com.my/article/68175/EDISI/Johor/\[VIDEO\]Kejam!Wanita-diseret-peragut-bermotosikal](https://www.sinarharian.com.my/article/68175/EDISI/Johor/[VIDEO]Kejam!Wanita-diseret-peragut-bermotosikal). Diakses pada 4 Mac 2020.
- Norcikeyonn Samuni & Nor-Ina Kanyo. 2016. Tahap Pengetahuan Pelajar IPTA Terhadap Isu Jenayah Perdagangan Orang: Satu Dapatan Awal di Universiti Malaysia Sabah. Perspektif: Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan, 8(1), 56 - 67.

- Nor-Ina Kanyo. 2006. Perlakuan Jenayah dan Kaitannya dengan Kepesatan Perbandaran: Satu Kajian Kes di Negeri Pulau Pinang. Tesis Sarjana. Universiti Sains Malaysia: Pulau Pinang.
- Norwahidah Zinalibdin & Novel Lyndon. 2016. Makna rasa selamat komuniti Malaysia dalam Program Skim Rondaan Sukarela: Kajian kes KRT Taman Putera Jaya, Kota Kinabalu, Sabah. *Malaysian Journal of Society and Space*. 12(5), 22-32. Paris,
- Ruziah Ahmad (2000). "Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Kerjaya Pelajar Tingkatan 6 Sains. Tesis Sarjana Muda: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Salleh Abas. 1998. Konsep Jenyah. Dalam Mohd Dahlan A. Malek & Ida Shafinaz MohamedKamil. *Jenayah Dan Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Cabaran Dan Realiti Jenayah Siber*. Universiti Malaysia Sabah. Hlm. 3.
- Suzilynda Sukimin. (2008). Persepsi terhadap kualiti dan kepuasan perumahan dalam kalangan pemilik rumah kos rendah di Kota Kinabalu Sabah Malaysia. Tesis Sarjana: Universiti Putra Malaysia.
- The Borneo Post. 2013. Peningkatan anggota RELA memberangsangkan. Diakses daripada, <https://www.theborneopost.com/2013/01/08/peningkatan-anggota-rela-memberangsangkan/>. Diakses pada 4 Mac 2020.
- Utusan Borneo. 2017. Penubuhan SRS mampu bantu pihak berkuasa tangani, kurangkan jenayah. 21 April:6
- Utusan Borneo. 2018. Kes pecah rumah guru, remaja ditahan reman. 29 Ogos:2
- Vera-Toscano & Esperanza. (2004). The impact of Chilean fruit sector development on female employment and household income. *World Bank Policy Research Working Paper* 3263.
- Yahaya, Azizi and Abd. Ghaffar, Mohd. Najib and Ismail, Sharifudin and Damiri, Noraizah. 2005. Ciri-ciri personaliti dalam pemilihan kerjaya pelajar, gaya pembelajaran pelajar dan hubungannya dengan pencapaian akademik. Diakses daripada, http://eprints.utm.my/id/eprint/2333/1/AziziYahaya_Ciri_PersonalitiGayaPembelajaran.pdf. Diakses pada 21 Mac 2020.
- Zainuddin Muhammad. (2000). Ke Arah Perancangan Dan Pembangunan Persekitaran Yang Selamat. Universiti Teknologi Malaysia: Seminar Kebangsaan Perancangan Bandar dan Wilayah ke-18.